

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PRIME MINISTER)

UPACARA:MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN PUSAT PERKEMBANGAN INDUSTRI SEKURITI DAN SURUHANJAYA SEKURITI

TEMPAT: BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 26 FEB 1999

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Suruhanjaya Sekuriti kerana menjemput saya untuk merasmikan Bangunan Suruhanjaya Sekuriti ini yang turut menempatkan Pusat Perkembangan Industri Sekuriti (SIDC) pada hari ini.

2. Dalam beberapa hari lagi, Suruhanjaya Sekuriti akan menyambut ulangtahunnya yang keenam. Sejak ditubuhkan pada Mac 1993, banyak yang sudah dicapai oleh Suruhanjaya ini. Perasmian bangunan yang moden dan pintar ini yang juga mencantumkan rekabentuk tradisi dengan ciri-ciri Islam, bolehlah dianggap sebagai mencerminkan aspek fizikal pencapaian semasa Suruhanjaya ini.

3. Dengan adanya bangunan ini, saya yakin kebanyakan tugas pengawasan, pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal dapat dilaksanakan dalam suasana yang lebih selesa dan dengan kemudahan yang canggih. Semuanya yang disediakan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kakitangan Suruhanjaya, malah kepada pihak luar dan juga orang awam yang terbabit dalam usaha membentuk kestabilan, menggalakkan pembangunan dan merangsang pertumbuhan pasaran modal yang penting sebagai penjana kewangan bagi kemajuan ekonomi negara.

4. Saya mengalu-alukan falsafah kerjasama termasuk kerjasama di antara sektor awam dan swasta, di antara pengawalselia dan yang dikawalselia, kerjasama yang melibatkan orang awam dan Kerajaan serta agensi-agensi penyeliaan. Saya mengucapkan tahniah kepada Pengerusi Suruhanjaya kerana mempunyai pandangan jauh semasa penubuhan Suruhanjaya ini untuk membentuk SIDC yang saya difahamkan akan mengisi 45 peratus daripada jumlah keseluruhan ruang bangunan yang amat luas ini.

5. Dalam era teknologi maklumat dan masyarakat berilmu, sudah semestinya banyak yang dapat dimanfaatkan menerusi perkongsian dan kerjasama bagi kebaikan bersama. Adalah penting kita bekerjasama untuk membangunkan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih maju dan makmur. Saya gembira melihat kecenderungan positif yang selama ini dipamerkan oleh Suruhanjaya Sekuriti berhubung perkara ini dan kini

wujud pula kemudahan fizikal yang mengkagumkan yang diharap dapat meningkatkan lagi kerjasama yang sudah sedia terjalin.

6. Seperti kita maklum, negara masih mengalami kegawatan dan kemelesetan ekonomi. Sementara kita sedar bahawa keadaan yang buruk ini disebabkan oleh pedagang matawang dan pelabur jangka pendek memainkan kemudahan pasaran terbuka yang kita amalkan di negara ini, kita tidak boleh menafikan adanya amalan-amalan yang tidak baik yang kita sendiri amalkan dalam pasaran saham kita. Amalan-amalan ini yang menjadikan kita lemah dan mudah diserang.

7. Pasaran saham sebenarnya wujud untuk mengumpul modal untuk pelaburan. Kos modal daripada pasaran saham bukan sahaja lebih murah daripada kos pinjaman bank tetapi modal yang dikumpul yang lebih daripada nilai sebenar saham yang ditawarkan boleh membantu perniagaan. Malangnya ramai yang lebih berminat untuk meraih keuntungan daripada perniagaan saham dan bukan daripada perniagaan yang sebenar.

8. Rebutan saham yang berlaku semasa 'Initial Public Offer' (IPO) yang menyebabkan kenaikan nilai saham kerap kali tidak ada kaitan sama sekali dengan potensi perniagaan atau nilai asetnya. Pihak-pihak yang mendapat komisyen dan 'capital gains' daripada kegiatan jualbeli ini tidak mengambilkira bahaya kenaikan nilai saham yang keterlaluan. Hanya apabila nilai ini jatuh dengan teruknya, barulah masing-masing meraung.

9. Apabila pasaran saham diserang oleh pihak tertentu yang ingin mendapat keuntungan melalui 'short-selling', maka nilai saham jatuh dengan teruknya. Mereka yang berhutang dari bank dan bank yang memberi hutang kepada mereka semuanya menghadapi masalah.

10. Di Malaysia kejatuhan nilai Ringgit dan Indeks Komposit Saham tidak menjadi masalah besar kepada orang ramai yang tidak main pasaran saham, sekurang-kurangnya dalam jangka pendek. Tetapi ia menjadi masalah besar kepada bank, syarikat-syarikat dan pemegang saham. Kerajaan juga merasai bahang daripada kejatuhan nilai saham ini kerana syarikat-syarikat tidak memperolehi keuntungan, bahkan rugi dan tidak menyumbang kepada hasil kewangan Kerajaan melalui cukai korporat yang dikenakan.

11. Orang asing tertentu menuduh bahawa kegawatan ekonomi disebabkan oleh amalan kronisme dan nepotisme di Malaysia. Sebenarnya tuduhan ini dibuat untuk melindungi kesalahan pedagang matawang yang telah menyalahguna kemudahan pasaran terbuka untuk meraih keuntungan besar bagi diri mereka. Amat malang sekali ada rakyat Malaysia yang semuanya mendapat nikmat daripada pertumbuhan ekonomi yang pesat turut menyahut tuduhan

penyangak asing ini. Tiap perkataan yang dilafazkan oleh orang asing ini akan diulangi tanpa memikir oleh orang tertentu di Malaysia. Lebih daripada itu mereka ini mendesak Kerajaan supaya mengikut sahaja apa yang disuruh oleh orang asing ini. Mereka ini tidak dapat memikir bahawa orang asing ini mungkin salah dan kita mungkin betul. Walaupun kita sudah merdeka, ternampak jelas pemikiran mereka ini belum lagi dibebaskan.

12. Sebenarnya yang menyebabkan orang asing ini menuduh kita mengamalkan kronisme dan nepotisme ialah kerana penswastaaan kita tidak bermakna menjual segala-gala yang dimiliki oleh Kerajaan kepada mereka sepenuhnya. Di kebanyakan negara membangun, oleh kerana rakyat tidak mempunyai modal dan kepakaran, penswastaaan bermakna menjual kepada orang asing untuk mendapat dolar Amerika bagi membayar hutang. Di Malaysia penswastaaan bermakna menjual kepada rakyat Malaysia yang mampu dan layak untuk mengambilalih. Orang asing boleh membeli peratusan yang kecil sahaja dan tidak semuanya. Ini mengecewakan orang asing yang melihat keuntungan yang besar yang boleh didapati oleh mereka jika mereka dapat memiliki semua yang diswastakan. Oleh kerana rakyat tempatan yang mendapat peluang daripada penswastaaan maka tuduhan dibuat bahawa mereka adalah kroni dan keluarga kepada pemimpin Kerajaan. Walaupun pihak yang berjaya dipilih melalui tender dan tidak ada apa-apa hubungan dengan Kerajaan mereka masih dituduh kroni dan keluarga. Hanya jika semua yang diswastakan diambilalih oleh orang asing baharulah tuduhan kronisme dan nepotisme akan digugurkan.

13. Pendekatan yang diguna dalam urusan penswastaaan kita diasaskan kepada keperluan mengimbang kedudukan ekonomi dan sosial antara kaum di Malaysia. Dasar Ekonomi Baru adalah satu-satunya 'socio-economic engineering plan' yang penting bagi negara kita. Penswastaaan diguna untuk menjayakan proses ini. Oleh kerana dasar ini berjaya, rusuhan kaum tidak berlaku di Malaysia walaupun ekonomi mengalami kemerosotan. Rakyat Malaysia tidak perlu pohon maaf atau 'apologise' kepada orang asing kerana dasar kita. Sebaliknya kita harus bangga dengan pencapaian kita. Sikap suka dipuji oleh orang Barat harus dikikis jika kita bermaruah.

14. Oleh kerana mereka gagal memiliki bank dan perniagaan kita melalui penswastaaan maka mereka menyerang matawang dan pasaran saham kita supaya syarikat dan bank kita menjadi lemah dan bankrap. Pada masa itu mereka berharap kita terpaksa menjual segala-galanya kepada mereka dengan harga yang murah. Dengan itu mereka akan dapat keuntungan yang besar dan ekonomi kita akan dikuasai oleh mereka. Inilah tujuan mereka yang sebenar. Dakwaan mereka bahawa mereka ingin mendisiplinkan Kerajaan kita, menghapuskan kronisme, nepotisme dan sebagainya adalah cerita dongeng.

15. Awal-awal lagi kita telah mendedahkan apa yang sebenarnya mendorong pedagang matawang dan menyalahkan mereka kerana merosakkan ekonomi negara Timur. Kita dituduh tidak faham sistem kewangan antarabangsa, tidak faham 'herd behaviour' dan lain-lain. Mereka menolak cadangan kita supaya dagangan matawang dikawal. Tetapi hari ini ramai daripada mereka yang mengaku bahawa spekulasi oleh pedagang matawang tanpa kawalan yang menyebabkan kemerosotan ekonomi dunia.

16. Demikian juga kita dikecam kerana mengawal pengaliran matawang, menurun kadar faedah, menambah kecairan, mengawal pasaran saham dan tindakan-tindakan lain yang diambil oleh kita untuk memulih ekonomi. Tetapi hari ini ramai daripada mereka yang akui bahawa tindakan kita adalah bijak dan menolong memulihkan ekonomi kita. Mereka sekarang sering mengecam Dana Wang Antarabangsa (IMF) dan cara pemulihan yang dianjurkan olehnya. Namun masih ada orang tempatan yang menyanyi lagu lama kononnya kegawatan dan kemerosotan ekonomi ini disebabkan oleh kesalahan kita. 'Mentality' seperti ini menyukarkan pemulihan ekonomi kita. Sebenarnya fakta-fakta yang diperlukan untuk memulih ekonomi kita sudah pun diadakan. Hanya yang diperlukan ialah kefahaman dan sikap yang sesuai oleh rakyat. Dalam pasaran saham umpamanya, kegiatan mengambil untung terlalu awal menghalang kenaikan Indeks. Jika Indeks tidak naik perniagaan sukar dipulih. Jika perniagaan tidak sihat, ekonomi juga tidak akan sihat dan Kerajaan akan mengalami masalah kewangan.

17. Harga saham di pasaran saham memang akan naik turun tetapi gerakan harga saham hendaklah ada kaitan dengan aset dan prestasi perniagaan syarikat. Kita tidak perlu ada 'road-show' di luar negeri guna untuk menaikkan harga saham syarikat kita sehingga tidak ada kena-mengena dengan prestasi dan nilai syarikat. Kita mengalu-alukan pelaburan asing tetapi mereka hendaklah melabur untuk jangka panjang. Pelabur asing yang melabur untuk 'capital gains' semata-mata tidak menguntungkan kita. Penjualan dengan mendadak oleh mereka akan mendatangkan masalah besar kepada kita.

18. Namun Kerajaan telah memutuskan untuk melonggar syarat pelaburan dalam pasaran saham oleh pelabur asing. Sekatan untuk membawa keluar modal yang dilabur dalam pasaran saham sebelum genap satu tahun sudah dihapuskan untuk pelaburan baru. Syarat baru ialah mengenakan levi sebanyak 10 peratus ke atas keuntungan jika dibawa keluar dari negara. Levi ini adalah berpatutan dan adil kerana pelabur asing diberi peluang untuk mencari keuntungan daripada pelaburan dalam pasaran saham Malaysia tanpa membayar cukai 'capital gains'. Levi ke atas keuntungan yang dibawa keluar sebanyak 10 peratus amatlah kecil berbanding dengan cukai keuntungan modal jika ia dikenakan. Kita harus ingat bahawa pembukaan pasaran saham kita kepada pelabur asing mendedahkan kita

kepada risiko serangan yang boleh merugikan negara.

19. Suruhanjaya Sekuriti memainkan peranan yang penting dalam Industri Sekuriti yang sering terdedah kepada berbagai-bagai jenis jenayah dan penipuan. Penyeliaan oleh Suruhanjaya Sekuriti perlu ketat tetapi tidak terlalu ketat sehingga merugikan syarikat-syarikat yang memohon untuk disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Kajian yang tidak berfaedah yang melambatkan penyenaian akan merugikan syarikat dan menambahkan kos. Suruhanjaya Sekuriti perlu prihatin dan memperoleh kecekapan dalam membuat penilaian terhadap permohonan penyenaian.

20. Kerajaan ini menganggap kejayaan dan keuntungan yang diperolehi oleh perniagaan di Malaysia amat penting kerana sebahagian daripada keuntungan syarikat adalah hak Kerajaan. Jika perniagaan rugi, Kerajaan tidak dapat pungut cukai. Justeru itu, sebarang tindakan dan perlakuan oleh apa juga agensi yang merugikan perniagaan akan merugikan Kerajaan.

21. Bangunan baru ini menandakan detik penting bagi masa depan. Ia menawarkan potensi bagi pembangunan ide, kemahiran, penyelidikan dan maklumat. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti dan semua yang terlibat dalam membawa ide penubuhan Suruhanjaya Sekuriti daripada konsep kepada realiti, serta juga dalam membangunkan bangunan baru ini dan untuk menyediakan kemudahan yang terbaik dan canggih bagi usaha pembangunan dan keperluan masa depan.

22. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan bangunan Suruhanjaya Sekuriti ini.